

Saya tetap bertanding di Kubang Pasu — Dr. M

Oleh LUQMAN HAKIM

MAY 2002

JITRA 2 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau tetap akan bertanding di kawasan Parlimen Kubang Pasu dan bukannya Putrajaya jika menjadi calon pada pilihan raya umum akan datang.

“Nampaknya semua nak saya bertanding di Kubang Pasu. Saya bagi jaminan kalau saya bertanding hanya di Kubang Pasu sajalah,” katanya.

Perdana Menteri yang juga Ketua UMNO Bahagian Kubang Pasu

berkata demikian ketika menggalang perbincangan pada mesyuarat bahagian itu di Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Nyior di sini hari ini.

Ketika perbincangan, ramai perwakilan meminta Dr. Mahathir terus kekal bertanding di Parlimen Kubang Pasu pada pilihan raya umum akan datang.

Beliau merupakan anggota Parlimen Kubang Pasu sejak 1974.

Ruangan Bisik-Bisik *Mingguan Malaysia* pada 21 April lalu mencadangkan supaya Dr. Mahathir menjadi ahli Parlimen Putrajaya yang pertama sebagai tanda penghargaan

kepada sumbangan beliau yang tidak ternilai dalam mengilham dan membangunkan kawasan itu.

Pada 9 April lalu, Sidang Dewan Rakyat sebulat suara meluluskan usul Draf Perintah Perlembagaan dan Laporan Kajian Persempadanan Semula Bahagian Pilihan Raya Parlimen Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Proses pengundian yang dijalankan menerusi belah bahagian itu menyaksikan kesemua 134 ahli Parlimen termasuk dari parti pembangkang yang menghadiri mesyuarat menyokong usul tersebut.

Terdahulu ketika berucap meras-

mikan mesyuarat berkenaan, Dr. Mahathir mendedahkan satu dari pada rahsia beliau yang tidak suka berlengah-lengah — beliau menetapkan jam tangannya lima minit lebih cepat dari waktu biasa.

“Saya suka cepat...tak suka lambat” kata Perdana Menteri.

Ketika itu, jam menunjukkan pukul 11.25 pagi.

Sambil melihat pada jam tangannya, Dr. Mahathir berkata: “Jam dah 11.30 pagi (walaupun waktu sebenar ialah 11.25 pagi). Jam saya cepat daripada orang lain pasal saya nak sampai cepat se-lalu.”